



27. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Jemaah Menteri atas kejayaan menubuhkan Kerajaan baharu dan seterusnya melaksanakan dasar-dasar baharu untuk kepentingan rakyat. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam dan Pasukan-pasukan Keselamatan serta semua pihak yang terlibat dalam proses menentukan keamanan serta kesejahteraan rakyat di negeri ini terus terpelihara.

28. Semoga Allah melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua dan sentiasa melindungi kita agar dapat terus hidup dalam keadaan harmoni dan sentosa.

Wabillahi Taufik Walhidayah.
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian.

UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

TUN DATUK SERI PANGLIMA

(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN

**BERSEMPENA DENGAN PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
YANG KE-15**

PADA 2 JULAI 2018



24. Jika diamati, Kerajaan amat komited dengan pemberian inisiatif-inisiatif untuk memperkasa golongan belia yang meliputi pelbagai aspek seperti pendidikan, kemahiran, keusahawanan dan juga pemupukan nilai-nilai positif yang lain. Malah, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada usaha untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat, memperkasa pembangunan atlet, memperkukuh badan dan organisasi sukan, meningkatkan penglibatan aktif sukarelawan dalam penganjuran program sukan, memperkasa sumbangan dan penglibatan sektor korporat dan swasta dalam penajaan program sukan serta menyediakan ekosistem pembangunan sukan yang holistik.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Saya berharap supaya hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan. Kerjasama yang baik ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar segala perjalanan urusan pentadbiran negeri akan berjalan dengan lancar dan sempurna, dan seterusnya bagi mendapat jaminan pengembalian hak-hak negeri Sabah dapat direalisasikan.

26. Saya juga meletakkan harapan yang tinggi supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa memainkan peranan secara aktif dan positif di dalam perbahasan di Dewan ini. Justeru, perbahasan hendaklah berlandaskan keikhlasan dan semangat untuk memajukan negeri, negara dan kehidupan rakyat. Saya juga berharap dalam membuat keputusan Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa memberikan keutamaan dan menekankan kepentingan rakyat.





pula, Kerajaan akan menggalakkan lebih banyak aktiviti hiliran sumber-sumber berpotensi seperti industri minyak dan gas, minyak sawit dan industri hiliran kayu. Sehubungan dengan perkembangan ini, dasar terbaru Kerajaan yang mengharamkan sementara eksport balak merupakan langkah tepat bagi menggalakkan kemajuan industri hiliran kayu-kayan di negeri ini. Selain itu, usaha-usaha juga dilaksanakan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan aktiviti di kawasan-kawasan perindustrian, di samping memperkasa *enablers* untuk memacu aktiviti-aktiviti hiliran dan menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini.

22. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti dan berimpak tinggi serta pelaksanaan program-program infrastruktur lain seperti pembinaan jalan raya di bandar dan luar bandar, pembangunan sistem bekalan air yang mesra alam dan berkualiti untuk rakyat dan lain-lain.

23. Dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sabah, Kerajaan berusaha melaksanakan pelbagai program yang boleh menambah pendapatan dan memberikan kesejahteraan hidup kepada rakyat. Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan untuk memperkasa golongan wanita di kawasan luar bandar supaya dapat menyumbang secara efektif kepada pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar. Sesungguhnya, Kerajaan akan meneruskan program-program yang dapat membantu meningkatkan kesejahteraan golongan rakyat yang berkeperluan melalui pelbagai program dan projek pembangunan masyarakat. Pada masa yang sama, Kerajaan juga menyedari akan pentingnya peranan institusi keluarga dalam membentuk masyarakat. Dengan itu, usaha-usaha akan diambil untuk memperkukuh institusi kekeluargaan.

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini bagi Majlis Pembukaan Rasmi Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-15.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri baharu yang telah diberi mandat oleh Rakyat untuk menerajui kepimpinan dan pentadbiran negeri ini. Sukacita saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang telah dipilih. Saya berharap agar semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih dapat berkhidmat dan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh komited dan dedikasi sepertimana yang diharapkan oleh Rakyat.

3. Dalam usaha untuk memastikan pertumbuhan positif ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk memaju dan membangunkan negeri ini khususnya dalam pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi dan "*people centric*" yang meliputi pelbagai sektor di negeri ini. Dengan pertumbuhan ekonomi yang positif di peringkat nasional dan global,





peningkatan harga petroleum mentah, pertumbuhan positif ekonomi negara-negara yang menjadi rakan dagang utama negeri Sabah, serta disokong oleh faktor-faktor luaran negeri ini, ekonomi negeri Sabah dijangka akan kekal kukuh pada tahun ini.

4. Sesungguhnya, Kerajaan amat prihatin dengan kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu meringankan beban semua lapisan masyarakat akibat dari peningkatan kos sara hidup. Antaranya termasuklah bantuan khas Hari Raya Aidilfitri kepada para penjawat awam dan pesara Kerajaan. Pada masa yang sama, bermula pada bulan Jun tahun ini, Kerajaan juga telah melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada kadar sifar yang mana telah mengurangkan harga barangan dan perkhidmatan sebanyak 6%. Lantaran itu, segenap lapisan Rakyat amat berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah membantu mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh Rakyat. Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri yang baharu sedang berusaha untuk menyeragamkan harga bagi beberapa barangan makanan yang menjadi keperluan utama kepada pengguna.

5. Sebagai tambahan, Kerajaan juga sedang mengenal pasti langkah terbaik untuk mengurangkan kos perkhidmatan pakar kesihatan swasta yang tinggi di negeri ini. Saya yakin, Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh YAB Ketua Menteri Sabah yang baharu akan meneruskan usaha untuk mengenal pasti langkah-langkah terbaik dalam bidang-bidang lain dalam usaha untuk mengurangkan kos sara hidup dan menambah baik kualiti hidup Rakyat negeri ini dalam jangka masa panjang.

6. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri

Tenggara. Usaha akan diambil untuk mencapai sasaran *Totally Protected Areas* (TPAs) sehingga mencapai 30% atau 2.2 juta hektar menjelang tahun 2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. Saya menyokong usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan kepada pengeluaran tanaman makanan yang bernilai tinggi dengan menggunakan teknologi pertanian terkini. Selain itu, aspek keselamatan dan kualiti hasil tanaman makanan turut diberi penekanan bagi menghasilkan tanaman makanan yang berkualiti dan berkhasiat. Malah, Kerajaan juga akan melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan untuk para pekebun kecil getah dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti penanaman getah.

19. Bagi sektor perikanan pula, tumpuan akan diberi kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil perikanan termasuk akuakultur rumpai laut dan ikan hiasan, di samping meneruskan usaha-usaha membantu para nelayan meningkatkan pendapatan.

20. Kedudukan strategik negeri Sabah yang terletak di kawasan Wilayah Ekologi Marin Sulu Sulawesi dan pusat biodiversiti marin menjadikan negeri ini kaya dengan pelbagai sumber perikanan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa jumlah sumber perikanan negeri ini adalah mencukupi dan mapan agar dapat menampung jumlah permintaan makanan laut yang kian meningkat serta mencapai harga premium.

21. Bagi mempercepatkan pembangunan sektor perindustrian





merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas pemberian pendapatan cukai pelancongan bersih kepada negeri Sabah.

14. Seterusnya, Kerajaan Negeri akan memperkasa pengurusan Taman di negeri ini yang meliputi sembilan (9) buah Taman termasuk enam (6) buah Taman Marin dengan jumlah keluasan 1.2 juta hektar. Usaha juga akan dipergiatkan untuk meningkatkan keluasan kawasan terlindung marin di perairan negeri Sabah ke arah pengekalan kelestarian hidupan marin yang unik di negeri ini.

15. Dalam usaha untuk memperkayakan sumber rujukan dan khazanah budaya di negeri ini, Kerajaan akan memaju, memulihara dan memelihara budaya etnik di negeri ini agar semua 36 etnik dan sebanyak 217 sub-etnik di negeri ini dapat dikaji dan didokumentasikan. Ini akan menambah baik industri pelancongan budaya (*cultural tourism*) yang mana akan memberi faedah kepada pelbagai etnik dan sub-etnik di Sabah.

16. Saya menggesa semua pihak yang berkaitan supaya mengambil langkah-langkah yang tertentu agar hidupan liar di negeri ini akan terus dilindungi dan kekal di habitat semula jadinya. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan bahawa setiap aktiviti pembangunan yang dilaksanakan adalah terancang dan mengambil kira aspek perlindungan alam sekitar yang selari dengan Dasar Alam Sekitar Negeri Sabah.

17. Di sudut yang lain, jumlah keluasan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (*Totally Protected Areas*) negeri Sabah pada masa ini ialah seluas 1.9 juta hektar iaitu lebih dari 26% keluasan tanah negeri Sabah dan ini merupakan Kawasan Terlindung terbesar di Asia

kerana telah berjaya mewujudkan tiga (3) buah Kementerian baharu iaitu Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Pelajaran dan Inovasi serta Kementerian Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri. Dengan pewujudan Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar negeri ini akan bertambah baik. Begitu juga, dengan pewujudan Kementerian Pelajaran dan Inovasi, generasi muda di negeri ini akan menikmati perkhidmatan pendidikan yang berkualiti, agihan biasiswa yang saksama dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif serta program-program untuk memperkasa pembangunan sumber manusia selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri di negeri ini. Manakala pewujudan Kementerian Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri pula akan dapat menangani isu berkaitan tanah yang dihadapi oleh masyarakat peribumi di negeri ini serta isu-isu yang lain.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

7. Sesungguhnya, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan yang merupakan pemangkin kepada pertumbuhan mapan ekonomi negeri ini. Kerajaan akan berusaha membangunkan modal insan secara holistik dan berterusan bagi melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran tinggi, berinovasi, kreatif dan berdaya saing. Antaranya, ia meliputi pemerkasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang termasuklah sains dan teknologi, kejuruteraan dan matematik, keusahawanan dan sebagainya. Justeru, Kerajaan akan mempertingkatkan keupayaan Institut Pengajian Tinggi milik Kerajaan Negeri serta memperkukuhkan dan meningkatkan kolaborasi dengan institusi-institusi pengajian tinggi, institusi-institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVETs) dalam usaha memberikan



perkhidmatan latihan yang terbaik. Untuk itu, Kerajaan melalui Yayasan Sabah akan menambah peruntukan kewangan dan tajaan untuk pelajar Sabah ke Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta.

8. Hakikatnya, Perkhidmatan Awam Negeri Sabah adalah penentu dalam mencorak hala tuju dan kejayaan Kerajaan. Agensi-agensi Kerajaan Negeri serta semua penjawat awam perlu melaksanakan tugas harian berpandukan hasrat dan aspirasi Kerajaan sekarang. Penjawat awam perlu bersikap profesional dalam menggalas tanggungjawab sebagai jentera kepada Kerajaan sedia ada.

9. Dengan gelombang perubahan yang terus berkembang, Perkhidmatan Awam Negeri perlu bersedia menangani cabaran-cabaran daripada *megatrends* seperti Revolusi Industri 4.0 dan aspirasi Kerajaan semasa. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat memerlukan perspektif yang baharu. Dengan itu, Perkhidmatan Awam Negeri perlu berubah dan mewujudkan rangka tindakan yang mampu bergerak ke hadapan. Perkhidmatan Awam adalah majikan yang terbesar di negeri ini dan keupayaan jenteranya bergerak secara cekap tidak hanya bergantung kepada jumlah penjawat awam tetapi juga bertunjangkan faktor-faktor disiplin, akhlak yang tinggi, kualiti dan integriti.

10. Untuk itu, Kerajaan Negeri berusaha merealisasikan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi dengan menstrukturkan semula organisasi seperti yang dijelaskan dalam manifesto parti pemerintah masa ini. Ia bertujuan menggembelngkan tenaga kerja sedia ada melalui penjajaran semula fungsi yang tidak lagi relevan, pemanfaatan ICT, peningkatan kecekapan dan kompetensi penjawat

awam. Agensi-agensi dan anggota perkhidmatan awam dikehendaki melakukan perubahan untuk kemakmuran rakyat dan negeri Sabah.

11. Di samping itu, pemantapan keupayaan sumber manusia masa depan perlu diberi keutamaan dan perhatian yang serius. Perkhidmatan Awam Negeri perlu dianggotai oleh penjawat-penjawat yang mempunyai pemikiran masa depan, patriotik, berintegriti, berpengetahuan luas dan mampu bertindak pantas. Kerajaan Negeri melalui "Delivery Unit" yang baru ditubuhkan akan terus menilai keberkesanan penjawat awam di setiap organisasi supaya penyampaian perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa sektor pelancongan negeri Sabah kekal teguh dan memberangsangkan. Justeru, Kerajaan akan memperkasa usaha bagi menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor perhotelan untuk memenuhi jumlah permintaan penginapan yang semakin meningkat di negeri ini. Kerajaan juga akan mempergiat usaha untuk menambah baik pengurusan alam sekitar dan pemulihan warisan budaya yang merupakan aset pelancongan utama negeri ini. Antara usaha tersebut termasuklah mempertingkatkan usaha bersepadu dengan rakan-rakan kerjasama strategik bagi memastikan industri pelancongan berkembang dengan lebih pesat.

13. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan membangunkan lebih banyak produk dan perkhidmatan pelancongan termasuklah hab-hab pelancongan seperti hab-hab makanan laut di kawasan Pantai Timur di negeri ini. Dalam kesempatan ini, Kerajaan Negeri